



**NOTIS SEBUTHARGA**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR**

**NO. SEBUTHARGA : 27 / 2017**

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 37 EKOR BETINA (INDUK) LEMBU  
TENUSU BAKA FRIESIAN SAHIWAL BAGI TUJUAN PEMBIAKAN UNTUK JABATAN  
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR**

1. Pembekal-pembekal yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah memenuhi syarat berikut:
  - i. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Di Bawah Kod Bidang  
a) 070202- Haiwan Ternakan / Bukan Ternakan dan Akuatik**
  - ii. **Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM),**
  - iii. **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera dari Kementerian Kewangan,**
  - iv. **Dikehendaki mematuhi Spesifikasi Teknikal yang telah ditentukan di  
Lampiran A dan Pengesahan Ujian Saringan Penyakit di Lampiran B,**
  - v. **Dikehendaki mematuhi Senarai Semak.**
2. Sebut Harga ini mula diiklan pada **6 JUN 2017** dan akan mula dibuka untuk pembelian pada **6 JUN hingga 14 JUN 2017** di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Dokumen Sebut Harga dijual dengan menyertakan wang pos **RM10.00**.
3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dimeterai dengan rapi dan ditandakan dengan betul seperti tajuk di atas, pada penjuru atas kiri juga ditandakan: **"No. SEBUTHARGA : 27 / 2017"** dan dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Tingkat 1, Bahagian Khidmat Pengurusan, JPV Negeri Selangor, Sebut harga ini akan **DITUTUP** pada **14 JUN 2017 (RABU)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
4. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen sebut harga yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.
5. Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen sebut harga berkaitan sila hubungi pembantu urusetia sebut harga jabatan ditalian **03-55103900 ext 213** atau datang terus ke alamat di bawah bagi pembelian dokumen sebut harga merujuk tarikh waktu yang telah ditetapkan.

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor**  
**Lot 2, Jalan Utas 15/7, 40630 Shah Alam,**  
**Selangor Darul Ehsan**